



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH KOTA KINABALU

# MODUL OASIS

Bahasa Melayu (1103)  
Sijil Pelajaran Malaysia

**FORMAT BAHARU (KSSM)**  
**MENGIKUT TEMA**  
**KERTAS 1**

BIDANG BAHASA  
SEKTOR PEMBELAJARAN  
PPD KOTA KINABALU



## ISI KANDUNGAN

SEUNTAI KATA DARI MEJA EDITOR.....	2
TASK FORCE BAHASA MELAYU SPM 2021.....	4
SENARAI PENYUMBANG MODUL KERTAS 1 .....	5
TEMA: KESIHATAN DAN KEBERSIHAN .....	8
TEMA: KESELAMATAN .....	12
TEMA: KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN ESTETIKA .....	15
TEMA: JATI DIRI, PATRIOTISME DAN KEWARGANEGARAAN .....	19
TEMA: SUKAN DAN REKREASI .....	22
TEMA: SAINS, TEKNOLOGI & INOVASI .....	25
TEMA: PERTANIAN, PENTERNAKAN DAN PERIKANAN .....	28
TEMA: EKONOMI, KEUSAHAWANAN DAN PENGURUSAN KEWANGAN .....	31
TEMA PERPADUAN .....	35
TEMA: SEJARAH DAN WARISAN .....	38
TEMA: PERINDUSTRIAN .....	41
TEMA: PENDIDIKAN .....	44
TEMA: KERJAYA.....	48
TEMA: POLITIK DAN PENTADBIRAN.....	51
TEMA: INTEGRITI .....	54
TEMA: ALAM SEKITAR DAN TEKNOLOGI HIJAU .....	57
TEMA: PELANCONGAN .....	60
LAMPIRAN.....	63

## SEUNTAI KATA DARI MEJA EDITOR

Salam sejahtera dan salam “*Dare to Change*” PPD Kota Kinabalu, terlebih dahulu rasa syukur dipanjangkan atas kesihatan yang diberikan kepada kami warga pendidik untuk terus dapat berkarya demi kelangsungan pendidikan anak-anak bangsa.

Pejabat Pendidikan Daerah Kota Kinabalu sangat komited dalam memartabatkan pendidikan di daerah ini terutamanya dalam usaha meningkatkan peratus murid layak mendapat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan memenuhi salah satu syarat wajib iaitu lulus mata Pelajaran Bahasa Melayu SPM.

Pada tahun 2021 bermulalah cabaran baharu bagi guru-guru dan juga murid-murid calon SPM apabila pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang mula diperkenalkan pada tahun 2017 menggantikan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) kini telah berada di tingkatan 5. Rentetan daripada itu, Format baharu untuk SPM telah diperkenalkan sejajar dengan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) yang baharu.

Menyedari bahawa dalam mendepani sesuatu yang baharu pasti banyak cabaran, antaranya kekurangan bahan rujukan, kekurangan soalan-soalan contoh dan mungkin kefahaman yang belum mendalam. Maka, bidang Bahasa Sektor Pembelajaran PPD Kota Kinabalu telah membentuk Task Force Bahasa Melayu dalam kesiapsiagaan menghadapi SPM format baharu ini. Antara tugas yang telah dirancang ialah pembinaan modul untuk Bahasa Melayu SPM.

Modul Oasis Bahasa Melayu SPM, terdiri daripada Kertas 1 dan Kertas 2 meliputi 18 tema dalam DSKP berserta skema jawapan telah berjaya disediakan. Usaha ini mengabungkan tenaga dan idea guru-guru BM di sekolah-sekolah menengah daerah Kota Kinabalu. Bahan modul yang telah dihantar melalui proses semakan, penambahbaikan dan mana-mana yang perlu telah diubahsuai oleh pasukan Task Force sebelum dimasukkan dalam kompilasi bahan Modul.

Tahniah dan terima kasih diucapkan kepada semua guru yang menyumbang idea dan bahan bagi pembinaan modul ini. Syabas kepada pasukan Task Force yang berjaya menyudahkannya meskipun turut dibatasi oleh masa dan pelbagai kekangan namun tetap memberikan komitmen yang terbaik. Sesungguhnya usaha dan kerjasama antara JPNS, PPD, SISC+, pasukan Task Force, guru-guru BM, ketua-ketua Panitia BM, Ketua-Ketua Bidang Bahasa, Penolong-penolong Kanan dan Pengetua Sekolah amat besar maknanya dalam menyemarakkan rasa tanggungjawab secara kolektif dalam memacu kecemerlangan dan memartabatkan pendidikan sebagaimana yang dihasratkan oleh KPM.

Akhir kata, semoga Modul Oasis Bahasa Melayu SPM ini dapat sedikit sebanyak memberi manfaat kepada para guru Bahasa Melayu dan murid-murid calon SPM di daerah Kota Kinabalu dan negeri Sabah atau di mana-mana jua berada. Ilmu yang sedikit, jika dikongsi pasti bercambah dan bertambah, maka demikian, ramailah yang akan mendapat manfaatnya. Mohon maaf daripada kami jua andai ada kekurangan dalam setiap proses pembelajaran ini.

Sekian.

*Angela Tundim  
30 APRIL 2021*

# APRESIASI

**JPN SABAH  
SEKTOR PEMBELAJARAN JPN SABAH**

**PUAN TAH NIA BINTI HJ JAMAN  
(Pegawai Pendidikan Daerah Kota Kinabalu)**

**SEKTOR PEMBELAJARAN PPD KOTA KINABALU**

**BIDANG BAHASA PPD KOTA KINABALU**

**TASK FORCE BAHASA MELAYU SPM PPD KOTA KINABALU**

**ANGELA TUNDIM  
(SISC+ Bahasa PPDKK)  
PENYUNTING BAHAN  
HARLIANA BINTI MOHD. ARIFFIN - (OK9 S1)  
JAUHARIAH PARMIN - (OK9 S2)  
SITTI MAJUA BINTI SALIM - (OK9 -S3)  
HALINA JUMARING - (OK9 S1)  
ARELYA SAMIDAH - (OK9 S3)  
HAMIDAH BINTI SHAFIE (OK9 S1)  
HASBI BIN MUIN (OK9 S3)  
MARIAM BINTI AWANG DAMIT (OK9 S3)  
SITI FATIMAH BAHARUM (OK9 S2)  
ANIMAH ASSIH (OK9 S2)  
TAY HOI CHIN (OK9 S1)**

**SEMUA PENGETUA SEKOLAH MENENGAH PPDKK**

**GURU-GURU BAHASA MELAYU (PENYUMBANG BAHAN MODUL)**

**SEKOLAH-SEKOLAH DALAM OK9 S1, OK9 S2, OK9 S3**

**PASUKAN KREATIF, TEKNIKAL DAN URUSETIA  
ANGELA TUNDIM, IZZATI SHAIFFUDDIN**

**KULIT DEPAN MODUL  
AL FAZLI AMIL BUSTAN**

**YANG KURIK ITU KUNDI,  
YANG MERAH ITU SAGA;  
YANG BAIK ITU BUDI,  
YANG INDAH ITU BAHASA.**

**\*\*OK9 – OASIS KECEMERLANGAN 9 PPD KOTA KINABALU**

## TASK FORCE BAHASA MELAYU SPM 2021



# TASK FORCE BAHASA MELAYU SPM 2021

Bidang Bahasa, Sektor Pembelajaran  
Pejabat Pendidikan Daerah Kota Kinabalu



Angela Tundim  
SISC+ Bahasa  
PPD K.Kinabalu



Harliana Mohd Arifin  
SMKA Tun Ahmadshah



Jauhariah Parmin  
SMK Bandaraya  
Kota Kinabalu



Sitti Majua Binti Salim  
SMK Tebbon



Arelya Samidah  
Sekolah Tinggi  
Kota Kinabalu



Halina Jumaring  
SMK Taman Tun Fuad



Siti Fatimah Baharum  
SM St. Peter Telipok



Hasbi Bin Muin  
SMK Agama  
Kota Kinabalu



Hamidah Binti Shafie  
SM Shan Tao



Tay Hoi Chin  
SM Stella Maris



Animah Assih  
SM St. Francis Convent



Mariam Binti Ag. Damit  
SMK Tebbon

**SENARAI PENYUMBANG MODUL KERTAS 1**

<b>BIL</b>	<b>NAMA SEKOLAH</b>	<b>NAMA PENGGUBAL</b>
1.	SMK BANDARAYA	1. JAUHARIAH PARMIN
2.	SMK. SANZAC	1. HAJAH RUSANA BINTI ABDULLAH 2. HAJAH DG ROSNIZAH BINTI PG JAAFAAR 3. FAUZIAH BINTI HAJI MOKSIN
3.	SMAKK	1. NORAIHWATI MD. NOWAR 2. RAHAYU BINTI RAMLEE
4.	SM LA SALLE	1. EN. IDRIS AWANG 2. PN. WAN SURIYANI WAN MAN
5.	SMK INANAM	1. ARNELLA BINTI MATDIN 2. FAZNIM ISMAIL
6.	SM LOK YUK	1. LEE SEAK KEN 2. ZALINA MOHD ZAIN 3. RAZZAQ BAKRI 4. RATNANINGSIH OTHMAN
7.	SMK KOLOMBONG	1. EVYIRINA BT MALAJIN 2. SAIMAH BT MAD

8.	SMK TEBOBON	1. SITTI MAJUA BINTI SALIM 2. NURISIA@ NORAINI BINTI KAMIT
9.	SEKOLAH INTEGRITI	1. MOHD JEFRI BIN ALI BASAH
10.	SM SAINS SABAH	1. SALJIE SALUIEN 2. SUFIATI YAPPI 3. NORLIDA ABDULLAH
11.	SMKA TUN AHMADSHAH	1. HARLIANA MOHD ARIFFIN
12.	SEKOLAH SUKAN MALAYSIA SABAH	1. MAINI BINTI LAMADAH 2. SITI MAHIRAH BINTI RAMLAY @ RAMLY
13.	SM ST. FRANCIS CONVENT	1. ANIMAH BINTI ASSIH 2. FELICITY FLAVIANNIEY AUGUSTTINUS ZACKRY 3. ROSSALINA ABDULLAH 4. JANIH A/K DJUK
14.	SMK. LIKAS	1. RONNIE LEONG KIM FUI
15.	SMP LIKAS	1. MANSON YANBOT 2. KALSUM BINTI ABD. KARIM 3. AERLIZA BINTI MOHD. RADZI

16.	KOLABORATIF TEMA PELANCONGAN	<ol style="list-style-type: none"><li>1. HARLIANA MOHD ARIFIN</li><li>2. SITI MAJUA BINTI SALIM</li><li>3. HAMIDAH SHAFIE</li><li>4. SITI FATIMAH BAHRUM</li><li>5. TAY HOI CHIN</li></ol>
-----	---------------------------------	--

*Terbang bersama si rama-rama,  
Hinggap sebentar di kuntum telang;  
Modul Oasis maslahat bersama,  
PdP efisien SPM cemerlang.*

*HARLIANA MOHD ARIFIN*

*SMK AGAMA TUN AHMAD SHAH*

*Ketua Editor Kertas 1*


## TEMA: KESIHATAN DAN KEBERSIHAN

### BAHAGIAN A [30 markah]

*Maklumat di bawah berkaitan pendermaan organ dan tisu.*

*Huraikan pendapat anda tentang pendermaan organ dan tisu di Malaysia.*

*Panjangnya huraian hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.*



**BAHAGIAN B****[70 markah]**

[Masa yang dicadangkan : 1 jam 30 minit ]

Pilih **satu** daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya **antara 350 hingga 500 patah perkataan.**

**DOMAIN AWAM**

Menurut Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) kira-kira 3.5 juta rakyat negara ini menghidap diabetes dengan tahap prevalen 17.5 peratus daripadanya ialah orang dewasa berusia 18 tahun dan ke atas.

Statistik ini menunjukkan Malaysia antara negara yang menunjukkan angka tertinggi di dunia dan di Asia mempunyai pesakit diabetes. Lebih membimbangkan, dijangka tujuh juta rakyat Malaysia berkemungkinan menghidap diabetes menjelang 2025.

Sumber:*Harian Metro* 11 Disember 2019

Petikan akhbar di atas memperkatakan masalah kesihatan iaitu penyakit diabetes. Gaya hidup seperti pola pemakanan yang tidak terkawal serta kurang melakukan aktiviti fizikal dikatakan antara penyumbang kepada peningkatan kes penyakit kronik ini di Malaysia.

Huraikan punca-punca penyakit kronik diabetes yang banyak memberikan implikasi buruk terhadap kesihatan rakyat Malaysia.

**DOMAIN PERIBADI**

Sentiasa amalkan penjagaan diri dan kebersihan dalam kehidupan sehari-hari memandangkan banyak permukaan yang kita sentuh terdedah kepada bakteria atau virus yang boleh menjadi punca penyebab penyakit. Bakteria atau virus boleh melekat pada tangan ketika berjabat tangan, memegang pemegang pintu, paip, perkakas dapur, peralatan tandas dan lain-lain. Tangan boleh bertindak sebagai agen pemindahan bakteria atau virus apabila menyentuh muka terutama mata, hidung atau mulut.

Sumber: Internet

Petikan akhbar di atas menyatakan maklumat yang berkaitan penjagaan kebersihan diri dan kepentingannya.

Bincangkan kepentingan-kepentingan menjaga kebersihan diri.

## DOMAIN PENDIDIKAN

Penyakit Jantung berlaku apabila saluran darah menjadi sempit akibat pengumpulan plak kolesterol yang mengakibatkan bekalan darah ke jantung tidak mencukupi. Ada beberapa faktor yang menyumbang kepada penyakit jantung iaitu faktor pemakanan, amalan cara hidup tidak sihat dan faktor genetik atau keturunan.

Sumber: Internet

Petikan rencana di atas menyatakan maklumat yang berkaitan dengan faktor-faktor penyakit jantung. Selaku pegawai kesihatan, anda telah dijemput untuk menyampaikan ceramah bertajuk “Cara-cara untuk Mencegah daripada menghidap Penyakit Jantung” di sekolah yang berdekatan. Tuliskan teks ceramah anda selengkapnya.

## DOMAIN KERJAYA

Pakar pemakanan kadangkala bekerjasama dengan pelanggan individu untuk membangunkan diet dan pelan pemakanan khusus sebagai sebahagian daripada penjagaan kesihatan keseluruhan mereka. Ini melibatkan koordinasi dengan penjaga pelanggan untuk memastikan pelan sesuai untuk keperluan penjagaan kesihatan individu.

Sumber: Internet

Petikan rencana di atas menerangkan tanggungjawab pakar pemakanan terhadap pelanggannya dalam membangunkan diet dan pelan pemakanan untuk mengekalkan kesihatan individu.

Huraikan kriteria-kriteria menjadi seorang pakar pemakanan.

## KERTAS SOALAN TAMAT

**TEMA: KESELAMATAN****Bahagian A**

[ 30 markah ]

Cadangan masa 30 minit

*Maklumat di bawah berkaitan dengan sekolah selamat.**Huraikan pendapat anda tentang sekolah selamat.**Panjangnya huraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.*

<p><b>PERATURAN MAKMAL SAINS</b></p> <p>1. Makmal ialah kawasan larangan. Tidak sesiapapun dibenarkan masuk tanpa kebenaran guru.</p> <p>2. Peralatan sains, bahan kimia dan bahan biologi dalam makmal tidak boleh dibawa keluar tanpa kebenaran guru.</p> <p>3. Peralatan sains, bahan kimia atau bahan biologi hanya boleh digunakan atas arahan dan panduan guru.</p> <p>4. Semua peralatan sains, bahan kimia atau bahan biologi yang telah digunakan hendaklah dikembalikan ke tempat asalnya.</p> <p>5. Semua radas hendaklah dibersihkan sebelum dan selepas digunakan.</p> <p>6. Eksperimen tidak boleh dilakukan tanpa pengetahuan dan kebenaran guru.</p> <p>7. Setiap kerosakan, pecahan atau hal kemalangan perlulah dilaporkan dengan segera kepada guru.</p> <p>8. Dilarang bermain-main dengan segala peralatan dan kelengkapan di dalam makmal.</p> <p>9. Tidak dibenarkan berpindah dari tempat duduk yang dikhaskan ke tempat lain tanpa kebenaran guru.</p>	<p><b>PROGRAM 3K</b> MEMBUDAYAKAN SEKOLAH SELAMAT &amp; SEJAHTERA</p> <p><b>1. KEBERSIHAN</b></p> <p><b>2. KESIHATAN</b></p> <p><b>3. KESELAMATAN</b></p>
<p><b>Fungsi Jawatankuasa</b></p> <p><b>JAWATANKUASA SEKOLAH SELAMAT (JKSS)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>→ Menyediakan peraturan dan tanggungjawab semua warga sekolah</li> <li>→ Menyediakan peraturan dan tanggungjawab pihak lain(komuniti/keluarga)</li> <li>→ Promosi secara aktif peraturan kepada semua warga sekolah dan komuniti setempat</li> <li>→ Mendidik dan melatih guru, kakitangan sekolah dan ahli komuniti tentang prosedur keselamatan</li> <li>→ Memastikan wujud kesedaran di kalangan semua pihak tentang isu Sekolah Selamat</li> <li>→ Melaksana, menilai dan mengkaji semula semua dasar dan prosedur Sekolah Selamat dari masa ke semasa</li> </ul>	<p><b>Alat Kawalan Kebakaran</b></p> <p><b>Pelan Kecemasan</b></p> <p><b>Kawalan Keselamatan</b></p> <p><b>Keselamatan Jalan Raya</b></p>

Sumber : Internet

**BAHAGIAN B**  
**[70 markah]**  
 [Masa yang dicadangkan : 1 jam 30 minit]

Pilih **satu** daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya **antara 350 hingga 500 patah perkataan**.

**DOMAIN AWAM**

Naib Pengurus Kanan Yayasan Pencegahan Jenayah (MCPF), Tan Sri Lee Lam Thye mendedahkan terdapat peningkatan sebanyak 91.37 peratus kes jenayah ketika Kawalan Pergerakan (PKP) bermula Mac hingga Jun lalu. Aktiviti penipuan Khidmat Pesanan Ringkas (SMS), panggilan palsu, kecurian maklumat, penggodaman dan lain-lain semakin meningkat sehingga meletakkan pengguna siber dalam keadaan bahaya.

Sumber : *Internet*

Sebagai respons kepada pernyataan tersebut, jelaskan usaha yang dapat dilakukan untuk mengatasi masalah jenayah siber ini.

**DOMAIN PERIBADI**

Berdasarkan kajian Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia, sebanyak 60 peratus hingga 65 peratus kemalangan maut di Malaysia melibatkan penunggang motosikal. Data ini amat membimbangkan memandangkan pelajar adalah antara pengguna motosikal untuk ke sekolah.

Sumber : *Internet*

Berdasarkan fakta tersebut,uraikan peranan pengguna jalan raya khususnya pengguna motosikal untuk memastikan keselamatan jalan raya terjamin.

**DOMAIN PENDIDIKAN**

Semangat kesukarelawan dalam kalangan pelajar perlu dipupuk sejak awal lagi. Semangat ini menjadi batu asas kepada warganegara yang prihatin, bertanggungjawab, saling membantu tidak kira agama, kaum dan warna kulit. Sehubungan dengan itu, pihak sekolah wajar memainkan peranan yang penting untuk mendidik golongan remaja tentang kepentingan semangat kesukarelawanan.

Sumber : *Internet*

Petikan di atas menyatakan maklumat berkaitan semangat kesukarelawanan. Bincangkan pernyataan tersebut.

## DOMAIN KERJAYA

Pasukan keselamatan ialah satu istilah yang merujuk kepada organisasi berkanun dengan mandat keselamatan dalam negeri. Angkatan Pertahanan Awam (APM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Komander Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dan angkatan tentera adalah antara pasukan keselamatan negara yang bertindak menjaga keamanan dan kedaulatan negara.

Sumber : *Internet*

Petikan di atas menyatakan maklumat berkaitan pasukan keselamatan negara. Huraikan peranan dan sumbangan anggota keselamatan negara kepada masyarakat dan negara.

## KERTAS SOALAN TAMAT

**TEMA: KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN ESTETIKA****BAHAGIAN A**

[30 markah]

Masa dicadangkan : 30 Minit]

*Baca kedua-dua e-mel di bawah dengan teliti.**Anda dikehendaki menjawab satu daripada e-mel tersebut. Tulis e-mel anda itu selengkapnya. Panjang e-mel anda hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan.***

E-mel 1

Daripada :	<a href="mailto:Aleesyah122@gmail.com">Aleesyah122@gmail.com</a>
Kepada :	<a href="mailto:Inasyirah139@gmail.com">Inasyirah139@gmail.com</a>
Subjek :	Manfaat memperkasa tarian tradisional.
Assalamualikum w.b.t,	
<p>Apa khabar? Saya berharap Inasyirah dan keluarga sihat sejahtera. Bagaimanakah suasana belajar di Universiti Utara Malaysia (UUM)?</p> <p>Inasyirah, tahniah, atas tawaran yang diperoleh untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat Sarjana di UUM. Minggu lepas, kami telah menerima tugas daripada pensyarah untuk menjalankan kajian berkaitan tarian tradisional yang terdapat di Malaysia. Sewaktu menjalankan kajian, saya dapat terdapat banyak keunikan tarian tradisional daripada pelbagai bangsa yang harus dipelihara. Oleh itu, selaku bekas pengajur Pertandingan Tarian Tradisional, saya mohon jasa baik Inasyirah untuk menerangkan manfaat-manfaat memperkasa tarian tradisional.</p> <p>Saya akan menanti e-mel daripada Inasyirah.</p> <p>Sahabatmu, Aleesyah</p>	

## E-mel 2

Daripada :	<a href="mailto:Rahman791@gmail.com">Rahman791@gmail.com</a>
Kepada :	<a href="mailto:Khairul324@gmail.com">Khairul324@gmail.com</a>
Subjek :	Usaha-usaha untuk mempopularkan tarian tradisional
Khairul,	
Apa khabar? Moga Khairul berada dalam keadaan sihat. Maaf kerana sudah agak lama saya tidak menghantar e-mel kepada Khairul.	
Sebenarnya, saya kerap melihat remaja kini lebih banyak tertarik dengan keunikan tarian negara luar seperti Korea dan Barat. Acapkali, kita lihat sewaktu persembahan pembukaan majlis tarian-tarian negara luar dipersembahkan dan tarian tradisional negara kita dipinggirkan. Keadaan ini, jika berterusan akan mengakibatkan tarian tradisional akan lenyap ditelan zaman. Pada pendapat Khairul, apakah usaha-usaha untuk mempopularkan tarian tradisional dalam kalangan masyarakat?	
Saya sangat menanti e-mel daripada Khairul.	
Yang benar, Rahman	

**BAHAGIAN B**  
**[70 markah]**  
**[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]**

*Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.*

**DOMAIN AWAM**

Dihasilkan dalam pelbagai aroma dan bentuk, ramai tidak menyedari bukan saja flora serta fauna, malah kuih tradisional mutakhir ini semakin diancam kepupusan berikutan beberapa faktor. Bahan mentah sukar didapati, kehilangan petua memasak, tidak dipraktikkan dan proses penyediaan yang renyah dikenal pasti antara punca kuih tradisional ini berdepan risiko lenyap ditelan zaman.

Sumber : *BH Online*, Khamis, 11 Januari 2021

Petikan akhbar di atas menerangkan bahawa kuih tradisional semakin lenyap ditelan zaman. Pelbagai strategi perlu dilaksanakan bagi mengatasi masalah ini. Sehubungan dengan itu, anda dikehendaki menulis sebuah rencana bagi menarik minat masyarakat terhadap kuih tradisional. Tajuk rencana tersebut ialah ‘Strategi-strategi untuk Memelihara Kuih Tradisional daripada Ditelan Zaman’.

Tulis **rencana** tersebut selengkapnya.

**DOMAIN PERIBADI**

“Guru akan merekodkan setiap amalan baik murid untuk memupuk nilai murni dan membina keyakinan diri mereka. Kita jangan terlalu beranggapan negatif mengenai murid yang akhirnya akan merosakkan mereka. “Kaedah psikologi merupakan kaedah terbaik bagi melahirkan anak yang baik lagi cerdik. Apabila murid baik, mereka tidak akan terbabit masalah disiplin dan salah laku jenayah, seterusnya memanfaatkan diri untuk masyarakat,” katanya.

Sumber : *BH Online*, Isnin, 18 Februari 2019

Petikan akhbar menerangkan bahawa nilai murni memainkan peranan penting dalam melahirkan individu yang mempunyai keyakinan diri dan menghormati masyarakat sekeliling.

Huraikan kepentingan nilai murni dalam kehidupan individu.

## DOMAIN PENDIDIKAN

**PUTRAJAYA:** Kementerian Pendidikan sudah menggerakkan usaha menghasilkan Dasar Pendidikan Seni Negara bagi mengembalikan seni ke dalam sistem pendidikan untuk melahirkan murid yang berfikiran kritis dan bersifat manusiawi.

Menteri Pendidikan Dr. Maszlee Malik, berkata gabungan seni dan pendidikan akan menjadikan masyarakat dan anak-anak mempunyai sikap menghargai dan mencungkil ruang estetik dalam jiwa mereka.

Sumber : *BH Online*, Sabtu, 24 Ogos 2019

Petikan akhbar membincangkan bahawa Pendidikan Seni membantu untuk melahirkan masyarakat yang menghargai kesenian.

Bincangkan kebaikan-kebaikan mempelajari Pendidikan Seni.

## DOMAIN KERJAYA

Kilauan batu nilam biru memiliki keistimewaan tersendiri malah dikatakan menjadi simbolik kepada kesetiaan, kepercayaan, martabat dan ketenangan.

Popular dalam kalangan keluarga diraja, ini terbukti apabila batu berharga ini menjadi pilihan kepada ‘Ratu Nilam Dunia’, mendiang Puteri Diana yang sering tampil di khalayak ramai dengan perhiasan batu nilam biru.

Sumber : *My Metro*, Selasa, 30 Januari 2018

Petikan di atas menerangkan keunikan batu permata yang dapat menarik semua lapisan masyarakat terutamanya wanita. Keunikan batu permata ini menyebabkan ramai masyarakat menjadikan batu permata sebagai salah satu sumber pendapatan dalam kegiatan perniagaan.

Jelaskan faedah-faedah yang diperoleh apabila menjadikan kegiatan perniagaan sebagai salah satu kerjaya pilihan.

## KERTAS SOALAN TAMAT

**TEMA: JATI DIRI, PATRIOTISME DAN KEWARGANEGARAAN**

**BAHAGIAN A**

[ 30 markah ]

[Masa dicadangkan : 30 minit]

*Maklumat di bawah berkaitan dengan patriotisme.*

*Huraikan pendapat anda tentang semangat patriotisme dalam kalangan pelajar.*

*Panjangnya huraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.*

### Sajak bertemakan patriotisme



Negaraku,  
Yang kini mengecap 60 tahun merdeka,  
Laungannya masih boleh membangkit jiwa dan  
semangat,  
Andai ia makin roboh,  
Ayuh, tingkatkan lagi kasih di jiwa!  
Menjaga kedaulatan tanah pertiwi,  
Bersatu kita membanteras penjajah.

Negaraku,  
Taman Cinta merdeka,  
Indah kerana pejuang terdahulu,  
Tingkatkan nostalgia itu,  
Untuk kita sentiasa bersyukur.

Sumber : *Internet*



Sumber : *Internet*

**BAHAGIAN B**  
**[ 70 MARKAH ]**  
Masa yang dicadangkan : 1 jam 30 minit

**Pilih satu daripada soalan di bawah ini dan tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.**

### DOMAIN AWAM

Merdeka! Merdeka! Merdeka. Teriakan suara hangat, suara penuh semangat, suara keramat yang keluar daripada jiwa yang merdeka. Zaman dulu-dulu, ketika nenek moyang kita menyebut serta melafazkan perkataan ini dengan suara bergetar yang mempunyai rasa dalam jiwa kerana berasa sangat-sangat terharu, sangat gembira dan sangat bersyukur. Kini bagaimana perasaan kita apabila perkataan merdeka ini disebut atau dilafazkan? Adakah kita berasa terharu? Adakah kita berasa bersyukur? Atau paling tidak, adakah kita rasa bangga?

(Dipetik daripada ‘Semangat patriotisme perlu dijiwai, bukan sekadar simbolik’, oleh Dr Ahmad Zaharuddin Sani Ahmad Sabri, *BH Online*, 18 September 2014)

Berdasarkan petikan ini, teriakan merdeka mempunyai makna yang mendalam bagi masyarakat terdahulu, tetapi kini anak-anak muda sekarang kurang menghayati ungkapan merdeka ini.

Bincangkan langkah-langkah menyemarakkan semangat patriotik dalam diri generasi muda kini.

### DOMAIN PERIBADI

Patriotisme berkait rapat dengan nasionalisme dan kedua-dua istilah ini sering ditukar ganti penggunaannya seolah-olah sinonim dengan satu sama lain. Patriotisme juga membayangkan bahawa seseorang wajar mengutamakan kepentingan negara berbanding kepentingan diri dan kelompoknya. Ketika perperangan, mungkin nyawa diri yang perlu dikorbankan. Gugur dalam pertempuran demi tanah air ialah contoh tipikal bagi patriotisme yang aulia atau ekstrem.

(Dipetik daripada ‘Semangat patriotisme perlu dijiwai, bukan sekadar simbolik’, oleh Dr Ahmad Zaharuddin Sani Ahmad Sabri, *BH Online*, 18 September 2014 )

Petikan rencana ini menyatakan definisi patriotisme dan nasionalisme yang sinonim maknanya.

Huraikan cara-cara anda menunjukkan rasa bangga akan negara anda.

## DOMAIN PENDIDIKAN

Pelbagai insiden dan polemik yang menyentuh mengenai bangsa semakin ketara sejak akhir-akhir ini. Menggunakan perantara media sosial, tuduhan, fitnah, adu domba, malah kenyataan yang menyentuh sensitiviti agama dan budaya kian berluasa. Sudah wujud generasi kini yang 'malu' untuk mengaku sebagai orang Melayu. Malah bertutur, pelat dan gaya Inggeris. Peribahasa Melayu mengatakan 'di mana bumi dipijak, di situ lah langit dijunjung'. Di mana-mana pun kita berada, kita perlu menghormati budaya dan menjunjung perlembagaan, undang-undang dan dasar kerajaan.

(Dipetik daripada ‘Perkukuh benteng patriotisme, jati diri’,  
Oleh Dr Ismail Sualman, *BH online*, 25 Ogos 2016 )

Petikan artikel ini jelas menunjukkan masalah jati diri dalam kalangan anak muda kini yang meminggirkan bahasa dan bangsa sendiri malah mengangkat bahasa dan bangsa lain sebagai kebanggaan mereka.

Nyatakan peranan bahasa Melayu bagi mewujudkan perpaduan kaum di negara ini.

## DOMAIN KERJAYA

PUTRAJAYA – Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi akan melancarkan Perancangan Strategik 2021 meliputi pelaksanaan 86 program dengan peruntukan RM5.15 bilion tahun ini bagi memberi manfaat kepada bidang keusahawanan di negara ini. Menterinya, Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, fokus pelaksanaan yang dirangka berdasarkan pendekatan hala tuju 5E iaitu pendekatan *Enculture*‘, ‘*Enable*‘, ‘*Empower*‘, *Energize* dan *Engage*.

(Dipetik daripada ‘Peruntukan RM5.15 bilion laksana 86 program keusahawanan’,  
Oleh SUBKHI SUDARJI, *Utusan Online*, 15 Mac 2021)

Petikan berita ini menunjukkan bahawa negara kita sedang menjalankan 86 program bagi memacu perkembangan bidang keusahawanan yang membawa manfaat kepada para usahawan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di negara kita.

Nyatakan manfaat bidang kerjaya keusahawanan kepada pembangunan, kemajuan dan keamanan negara.

## KERTAS SOALAN TAMAT

**TEMA: SUKAN DAN REKREASI****BAHAGIAN A**

[30 Markah]

[Masa dicadangkan : 30 minit]

*Maklumat di bawah berkaitan dengan permainan tradisional.**Huraikan pendapat anda tentang permainan tradisional.**Panjangnya huraian hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.*

Terompah tempurung merupakan antara permainan sukan rakyat yang masih popular pada masa ini. Cara bermainnya adalah dengan meletakkan kaki di atas tempurung. Ibu jari kaki menyepit tali dan tangan pula perlu mengawal tali ketika kaki digerakkan. Permainan ini bukan sahaja bersifat menyeronokkan tetapi dapat menyihatkan tubuh badan dan meningkatkan kekuatan fizikal otot tangan dan kaki.

*Sumber: Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 5*

Mengintai pada jendela waktu  
kusingkap tirai rindu  
zaman dahulu berkocak di kalbu  
masih terbayang juara kujulang  
congkok kayu mainan aku  
biji getah digerak satu persatu  
pesta desa meriah masih terasa

Guli dilambung pecah satu  
mainan tradisional desaku dulu  
tanah dikorek kayu di tengah  
lanting ke udara direbut suka  
konda-kondi permainan ceria

**Sajak Permainan Tradisional**

*Sumber: Internet*



**BAHAGIAN B**  
**[70 markah]**  
**[Masa dicadangkan: 1 jam 30 minit]**

*Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya antara **350 hingga 500 patah perkataan.***

**DOMAIN AWAM**

Pengarah Bahagian Sukan KPM Datuk Marina Chin berkata, selaras dengan Dasar 1Murid 1Sukan yang mewajibkan setiap murid mengambil bahagian sekurang-kurangnya satu jenis sukan di sekolah, Program Kecergasan dilihat dapat menggalakkan murid terbabit dengan aktiviti sukan secara aktif. “Melalui program ini juga, sukan dilihat mampu membentuk masyarakat yang mengamalkan gaya hidup sihat supaya menjadi amalan berterusan dalam kehidupan seharian.”

Sumber: *Harian Metro*, 9 Oktober 2015

Petikan akhbar di atas menyatakan bahawa melalui program kecergasan yang dilaksanakan mampu membentuk masyarakat yang mengamalkan gaya hidup sihat. Sehubungan dengan itu, anda dikehendaki menulis sebuah rencana yang bertajuk ‘Amalan Gaya Hidup Sihat’.

Tulis rencana tersebut selengkapnya.

**DOMAIN PERIBADI**

Bersenam ialah salah satu perkara penting jika kita mahu amalkan gaya hidup sihat. Senaman bermaksud melakukan aktiviti fizikal yang disusun dan dilakukan berulang kali untuk menguatkan kecergasan, otot dan fleksibiliti badan. Senaman boleh dilakukan dengan pelbagai cara. Asasnya adalah untuk meningkatkan pergerakan badan, menaikkan kadar nadi dan melibatkan renggangan sendi dalam satu tempoh masa.

Sumber: *Internet*

Petikan di atas menyatakan maklumat yang berkaitan dengan senaman.

Bincangkan sebab dan kepentingan senaman dalam kehidupan individu.

## DOMAIN PENDIDIKAN

Sekolah Sukan Malaysia (SSM) ialah sekolah untuk mengumpul atlet murid yang berpotensi supaya bakat cemerlang sukan dan akademik mereka dapat dipupuk serta dipertingkatkan di bawah bimbingan jurulatih yang berdedikasi serta guru-guru akademik yang terpilih. Melalui pengawasan yang lebih tersusun dan cekap, peningkatan prestasi akademik dan sukan dapat diseimbang dan disepadukan.

Sumber: *Wikipedia, Ensiklopedia Bebas*

Petikan di atas menyatakan maklumat yang berkaitan dengan Sekolah Sukan Malaysia. Bincangkan peranan Sekolah Sukan Malaysia dalam usaha untuk melahirkan atlet yang cemerlang.

## DOMAIN KERJAYA

Jurulatih sukan hari ini mesti melengkapkan diri dengan kemahiran dan pengetahuan yang relevan bagi menghadapi cabaran melatih serta membimbing atlet. Peranan jurulatih yang berkualiti dan berpengalaman sangat penting untuk memastikan atlet mereka mendapat sokongan terbaik dalam bentuk latihan serta bimbingan.

Sumber: *Harian Metro*, 19 Ogos 2019

Petikan di atas menyatakan maklumat yang berkaitan dengan kerjaya sebagai jurulatih sukan.

Huraikan pendapat anda tentang persediaan-persediaan untuk memenuhi kriteria sebagai jurulatih sukan yang berjaya.

## KERTAS SOALAN TAMAT

## TEMA: SAINS, TEKNOLOGI & INOVASI

### BAHAGIAN A [30 markah]

Masa yang dicadangkan : 30 minit

*Infografik di bawah memaparkan maklumat tentang revolusi perindustrian.*

*Huraikan pendapat anda tentang revolusi perindustrian.*

*Panjangnya huraian hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.*

### REVOLUSI PERINDUSTRIAN 4.0



### KEMAHIRAN UNTUK INDUSTRI 4.0



### PEKERJAAN MASA HADAPAN

**65%** Pelajar sekolah rendah pada hari ini akan bekerja dalam pekerjaan yang belum wujud di masa hadapan



Contoh

- Pengendali Kendaraan Udara Tanpa Pemandu dan Penunggang (Unmanned and Un-crewed Vehicles - UAV)
- Pembantu Pencegah Masalah Kesihatan Peribadi (Personal Healthcare Assistant)
- Pengiring Atas Talian Profesional (Professional Online Chaperone)

Rujukan:

1. World Economic Forum
2. The Future of Jobs Report 2018, World Economic Forum (<https://www.weforum.org/reports/the-future-of-jobs-report-2018>)

**BAHAGIAN B****[70 markah]**

[Masa yang dicadangkan : 1 jam 30 minit]

Pilih **satu** daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya **antara 350 hingga 500 patah perkataan.**

**DOMAIN AWAM**

**KUALA LUMPUR:** Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam Malaysia (PEKA) menyeru agar kerajaan mempertimbangkan semula prosedur operasi standard (SOP) pemakaian sarung tangan pakai buang sebelum memasuki kedai pakaian yang bermula 10 Februari lepas. Presidennya, Puan Sri Shariffa Sabrina Syed Akil berkata SOP tersebut dikhawatirkan akan menambahkan lambakan sisa pepejal plastik yang sukar terurai di tapak pelupusan sampah sekali gus memberi kesan buruk kepada alam sekitar.

Sumber : *Astro Awani.*

Petikan di atas menunjukkan penambahan lambakan sisa pepejal yang sukar diurai di kawasan tapak pelupusan sampah sehingga memberi kesan buruk kepada alam sekitar.

Bincangkan cara-cara yang boleh dilakukan oleh masyarakat untuk mengatasinya.

**DOMAIN PERIBADI**

**SEPANG :** Dua pasukan robotik mengharumkan nama negara apabila muncul juara dan naib juara bagi kategori menengah rendah dunia dalam Pertandingan Robotik Antarabangsa (IRC) di Pusat Pameran Antarabangsa, Korea Selatan, baru-baru ini. Turut membanggakan, pasukan menengah atas negara menyumbang pingat gangsa pada pertandingan yang berlangsung dari 10 hingga 12 Oktober lalu itu.

Sumber : *Berita Harian*

Petikan di atas menjelaskan penglibatan pelajar sekolah di negara kita dalam pertandingan pada peringkat antarabangsa.,

Bincangkan faedah-faedah yang diperoleh oleh remaja apabila mahir dalam sains dan teknologi.

## DOMAIN PENDIDIKAN

Menceritakan situasi satu keluarga yang tinggal di kawasan terpencil, beliau berkata, dengan kemudahan telefon pintar yang ada namun capaian Internet terhad, keluarga itu sanggup berjalan kaki ke kawasan tinggi yang mempunyai capaian Internet ‘kuat’ bagi memuat turun tugas yang diberikan oleh guru.

Sumber: *Berita Harian*, Selasa 16 Mei 2020

Petikan artikel memerihalkan pengorbanan ibu bapa masa ini dalam memastikan anak-anak tidak tercicir dalam pendidikan.

Huraikan peranan ibu bapa dalam membantu pembelajaran maya anak-anak.

## DOMAIN KERJAYA

Teknologi digital kunci utama mentransformasi kaedah sesuatu makanan dihasilkan, diproses, diperdagangkan dan dimakan, selain membina sistem pemprosesan makanan berdaya tahan serta mantap dari aspek kejuruteraan dan kualiti produk. Teknologi terkini dilihat bakal menjamin revolusi perubahan ketara kepada pekebun kecil seperti pengimejan satelit, penggunaan dron pembajaan terarah, penderiaan jauh dan aplikasi rantaian blok dengan potensi untuk mengoptimumkan rantaian sumber makanan.

Sumber: *Berita Harian Online*

Petikan akhbar di atas menunjukkan bahawa penggunaan teknologi giat dijalankan dalam sektor pertanian.

Huraikan kepentingan teknologi dalam membantu usahawan tani meningkatkan produktiviti mereka.

## KERTAS SOALAN TAMAT

**TEMA: PERTANIAN, PENTERNAKAN DAN PERIKANAN****Bahagian A**

[ 30 Markah ]

[Masa dicadangkan : 30 minit ]

*Maklumat di bawah ini berkaitan dengan ikan hiasan yang semakin popular dalam kalangan pencinta ikan hiasan.*

*Huraikan pendapat anda tentang ikan hiasan.*

*Panjang karangan anda mestilah antara 150 hingga 200 patah perkataan.*

**Ikan Hiasan Menjanakan Pulangan RM 340 Juta**

PUTRAJAYA, 17 September – Sektor ikan hiasan merupakan industri penting negara kerana berjaya mengeluarkan 325 juta ikan pada tahun 2017.

Ketua Pengarah Perikanan, Datuk Munir bin Mohd Nawi, berkata bahawa perkara itu sekali gus menjanakan pulangan bernilai RM 340 juta kepada pendapatan negara. Terdapat 548 pengusaha dan 1433 pekerja terlibat dalam industri ini.

(Sumber: *Utusan Malaysia*, 18 September 2019)



Ikan termasuk binatang peliharaan yang cukup popular kerana memiliki sisik yang berwarna cerah dan ada yang berwarna-warni. Memelihara ikan perhiasan dapat membantu kita menenangkan fikiran. Hiasan batu dan tanaman dalam akuarium, serta melihat ikan berenang dapat mengurangi tingkat stres dan rasa cemas.

Sumber : Internet

**Bahagian B**  
**[ 70 Markah ]**  
**[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]**

**Pilih satu daripada soalan di bawah ini dan tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan**

#### **DOMAIN AWAM**

**GEORGETOWN** - Jumlah pendaratan ikan yang semakin berkurangan menunjukkan sektor perikanan di Malaysia ketika ini semakin malap berikutan ancaman ke atas hidupan laut yang berterusan sejak lebih 40 tahun lalu. Presiden Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), Mohideen Abdul Kader berkata, puluhan ribu nelayan kini mengeluh berikutan sumber pendapatan mereka terjejas akibat kemerosotan hasil tangkapan.

Sumber: [https://www.sinarharian.com.my/article/96588/EDISI\\_Utara/Bekalan-ikan-dalam-negara-semakin-merosot-CAP](https://www.sinarharian.com.my/article/96588/EDISI_Utara/Bekalan-ikan-dalam-negara-semakin-merosot-CAP)

Petikan akhbar di atas menunjukkan bahawa sektor perikanan negara semakin merosot dan menjelaskan kualiti hidup nelayan pinggir pantai.

Huraikan faktor-faktor yang mempengaruhi kemerosotan sektor perikanan pinggir pantai.

#### **DOMAIN PERIBADI**

Mendorong anak muda terbabit dalam pertanian sangat penting kerana membuka peluang keemasan mengurangkan pengangguran belia yang mencatatkan 58.2 peratus daripada jumlah keseluruhan pada tahun lalu. Sektor ini menyumbang sebahagian besar KDNK, iaitu 7.2 peratus dan satu-satunya industri berkembang pada suku kedua tahun ini. Namun, belia seperti kurang bersemangat menceburi industri ini kerana dilihat kurang menguntungkan hingga menjadi jalan terakhir kepada mereka yang kurang berprestasi dan tidak dipandang tinggi masyarakat.

(Sumber : <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2020/09/728654/sektor-pertanian-perlu-lebih-seksi-pikat-anak-muda>)

Petikan akhbar di atas menunjukkan bahawa penglibatan golongan muda dalam sektor pertanian mendatangkan pelbagai faedah kepada negara. Sehubungan dengan itu, anda dikehendaki menulis sebuah rencana bagi menggalakkan golongan muda menceburi sektor pertanian. Tajuk rencana tersebut ialah “Usaha-usaha untuk Menggalakkan Golongan Muda Menceburi Sektor Pertanian”.

Tulis rencana tersebut selengkapnya.

## DOMAIN PENDIDIKAN

KUALA LUMPUR: Cadangan memperkenalkan semula subjek Sains Pertanian di sekolah rendah dan menengah dalam waktu terdekat diyakini membantu menyemaikan minat generasi muda dalam bidang pertanian. Presiden Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP), Aminuddin Awang, berkata subjek itu perlu menerapkan pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) yang menjurus kepada pertanian moden dan memberi fokus kepada latihan amali. Beliau berkata, sebagai perintis sekolah yang dipilih hendaklah berada di kawasan pertanian bagi memudahkan pelajar melaksanakan latihan amali.

Sumber : [https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/04/558468  
/sains-pertanian-wajar-diajar-semula-di-sekolah\)](https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/04/558468/sains-pertanian-wajar-diajar-semula-di-sekolah)

Petikan di atas menyatakan maklumat yang berkaitan dengan mata pelajaran Sains Pertanian dan kepentingan mempelajarinya.

Bincangkan kepentingan-kepentingan mempelajari mata pelajaran Sains Pertanian.

## DOMAIN KERJAYA

**BEAUFORT** - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan memperuntukkan lebih RM70 juta kepada negeri Sabah pada tahun 2020 bagi memastikan taraf ekonomi peladang, penternak dan nelayan terus maju dan tidak terkebelakang berbanding sektor lain. Menurut menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, Sabah merupakan negeri yang kedua terbesar di Malaysia dan 27 peratus daripada guna tanah Sabah adalah bagi tujuan pertanian, iaitu kira-kira 1.98 juta hektar. "Dengan memiliki tanah pertanian seluas ini, Sabah mempunyai potensi yang sangat besar dalam sektor pertanian, penternakan dan industri makanan," katanya di sini semalam.

(Sumber : <https://www.sinarharian.com.my/article/101570/EDISI/Sabah-Sarawak/Kerajaan-peruntuk-lebih-RM70-juta-bantu-sektor-pertanian-Sabah>

Sebagai respons terhadap kandungan akhbar di atas, setiap individu perlu memainkan peranan untuk menyahut cabaran menceburi bidang pertanian. Anda berminat untuk menjadi usahawan penanaman sayur-sayuran bagi menyahut cabaran tersebut.

Jelaskan persediaan-persediaan yang perlu anda lakukan.

## KERTAS SOALAN TAMAT

**TEMA: EKONOMI, KEUSAHAWANAN DAN PENGURUSAN KEWANGAN**

**BAHAGIAN A**

[30 markah]

[Masa yang dicadangkan: 30 minit]

*Maklumat di bawah berkaitan dengan amalan menabung.*

*Huraikan pendapat anda tentang amalan menabung.*

*Panjang huraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.*


Tajuk : Amalan Menabung  
Rentak : Rasa Sayang

Rasa sayang, hey!  
Rasa sayang sayang hey  
Hey lihat nona jauh  
Rasa sayang sayang hey!

Ke Pasar Satok membeli gula,  
Gula dibeli bersama cuka;  
Sikap Menabung amalan mulia,  
Dapat membantu dihari muka.

Rasa sayang, hey!  
Rasa sayang sayang hey  
Hey lihat nona jauh  
Rasa sayang sayang hey!

Amalan menabung langkah yang bijak,  
Sila amalkan tua dan muda;  
Duit ditabung semakin banyak;  
Jika cermat kita belanja.





**BAHAGIAN B**

[70 markah]

[Masa yang dicadangkan: 1 jam 30 minit]

**DOMAIN AWAM**

Perancangan kewangan yang bijak selain berbelanja mengikut keperluan amat penting dalam menghadapi situasi pandemik Covid-19 berikutan ramai yang terjejas selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan sejak 18 Mac lalu. Pengurus Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) Cawangan Kota Bharu, Mohd Rizauddin Noor berkata, di sebalik kesukaran ini, ada perkara yang boleh diambil iktibar dan pengajaran untuk diri sendiri serta keluarga terutama dalam soal pengurusan kewangan.

Sumber : *My Metro - April 14,2020*

Petikan di atas menjelaskan maklumat berkaitan perancangan kewangan yang bijak. Selaku peserta pertandingan syarahan yang bertajuk “Peranan Pelbagai pihak bagi Memupuk Amalan Berjimat Cermat dalam Menjalani Kehidupan Seharian”.

Tuliskan teks syarahan selengkapnya.

**DOMAIN PERIBADI**

E-pengguna menyarankan beberapa tip pengguna bijak dalam meningkatkan kesedaran rakyat Malaysia terutama remaja dan warga kampus. Antaranya termasuklah jangan mudah terpengaruh dengan iklan dan maklumat yang mengelirukan, elakkan menggunakan kad kredit ketika berbelanja, membandingkan harga barang yang dibeli, melihat risalah dan merancang pembelian.

Sumber: *Internet*

Petikan di atas menerangkan tip pengguna bijak. Situasi ekonomi yang tidak stabil, kos sara hidup yang tinggi dan nilai ringgit yang semakin rendah berbanding dengan dolar Amerika Syarikat tidak begitu menjadi masalah bagi mereka yang bijak berbelanja.

Huraikan ciri-ciri pengguna bijak.

## DOMAIN PENDIDIKAN

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, ANGKASA sudah melaksanakan pelbagai program pembangunan perniagaan koperasi sekolah. Sebanyak 38 buah koperasi sekolah di seluruh negara yang mencapai perolehan dari RM 500,000 hingga RM 699,999 yang dikenal pasti.

(Sumber: *Koperasi Jutawan*, Harian Metro, 22 Disember 2019)

Petikan di atas menerangkan perniagaan koperasi sekolah.

Setiap sekolah mempunyai kedai koperasi yang ditubuhkan untuk memberi manfaat kepada murid-murid. Banyak cabaran yang dihadapi oleh koperasi sekolah untuk memperoleh keuntungan.

Huraikan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh koperasi sekolah dan langkah-langkah untuk mengatasinya.

## DOMAIN KERJAYA

Tidak kiralah sama ada anda bujang atau berkeluarga, merancang kewangan merupakan salah satu perkara penting dalam memastikan kehidupan anda berjalan dengan lancar. Perancangan kewangan ini termasuklah membayar komitmen bulanan, bil-bil, simpanan pelaburan, simpanan peribadi dan simpanan sewaktu kecemasan.

(Sumber : *AIA kewangan dan Insurans*)

Petikan rencana di atas menyatakan jenis-jenis perancangan kewangan yang wajar seseorang ambil kira agar dapat memberi kesenangan pada masa hadapan.

Huraikan usaha-usaha yang seharusnya dilakukan untuk menarik minat generasi muda menceburkan diri dalam bidang kewangan.

## KERTAS SOALAN TAMAT

**TEMA PERPADUAN**  
**BAHAGIAN A**  
[30 markah]  
[Masa dicadangkan : 30 markah]

*Maklumat di bawah berkaitan dengan aktiviti-aktiviti yang dilakukan untuk mewujudkan perpaduan.*

*Huraikan pendapat anda tentang perpaduan kaum.*

*Panjangnya huraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.*

**Membina Perpaduan Melalui Pendidikan**

Keunikan kepelbagaian etnik, agama, dan budaya sejak dahulu lagi menjadi kekuatan dan cabaran tersebar Malaysia. Dalam keadaan dunia yang semakin kompleks kerana kepelbagaian, maka semakin penting bagi rakyat untuk membentuk identiti Malaysia dan menghargai kepelbagaian warisannya. Sebagai ruang yang dikongsi oleh semua rakyat, sekolah mempunyai potensi yang unik untuk memupuk perpaduan.

Sumber: *Pelan Pembangunan Pendidikan , 2013-2025*



**BAHAGIAN B**  
**[70 markah]**  
**[Masa dicadangkan: 1 jam 30 minit]**

**DOMAIN AWAM**

Usaha mengekalkan keharmonian negara yang memiliki masyarakat yang berbilang kaum dapat dilihat bukan satu perkara mudah dan tidak boleh dipandang enteng. Oleh itu, semua lapisan masyarakat tidak kira di peringkat pemimpin negara mahupun anak kecil perlu memainkan peranan masing-masing dalam menjaga keharmonian yang telah kita kecapi selama ini.

Sumber: *Internet*

Petikan akhbar di atas menegaskan bahawa tanggungjawab untuk mengekalkan keharmonian di negara kita harus dipikul oleh semua pihak. Anda dikehendaki menulis sebuah rencana bagi menyedarkan pelbagai pihak tentang peranan mereka dalam usaha memupuk perpaduan di negara ini. Tajuk rencana tersebut ialah ‘Usaha-usaha Memupuk Perpaduan dalam Kalangan Rakyat Malaysia’.

Tuliskan rencana anda selengkapnya.

**DOMAIN PERIBADI**

Usaha mengekalkan keharmonian negara yang memiliki masyarakat berbilang kaum dilihat bukan satu perkara mudah dan boleh dipandang enteng. Oleh itu, semua lapisan masyarakat tidak kira di peringkat pemimpin negara mahupun anak kecil perlu memainkan peranan masing-masing dalam menjaga keharmonian yang telah kita kecapi selama ini.

Sumber: *Internet*

Petikan berita di atas bertemakan kepentingan mempertahankan keharmonian dan kedaulatan tanah air melalui semangat perpaduan antara kaum.

Jelaskan pendapat anda tentang usaha-usaha untuk mengukuhkan semangat perpaduan antara kaum.

## DOMAIN PENDIDIKAN

Keunikan kepelbagaian etnik, agama, dan budaya sejak dahulu lagi menjadi kekuatan dan cabaran terbesar sekolah di Malaysia. Dalam keadaan dunia yang semakin kompleks kerana kepelbagaian, maka semakin penting bagi rakyat untuk membentuk identiti Malaysia dan menghargai kepelbagaian warisannya.

Sumber: *Pelan Pembangunan Pendidikan, 2013-2025*

Petikan di atas menyatakan bahawa sekolah boleh memainkan peranan yang penting untuk memupuk perpaduan.

Bincangkan peranan sekolah dalam pembentukan perpaduan antara kaum dalam kalangan murid.

## DOMAIN KERJAYA

**PUTRAJAYA:** Kementerian Luar Negeri akan bekerjasama dengan negara yang terjejas dengan COVID-19 dalam usaha mengekang penularan virus berkenaan.

Menterinya, Datuk Hishamuddin Hussein berkata Wisma Putra akan mendapatkan pandangan pakar luar berhubung COVID-19, termasuk daripada negara seperti Singapura, China dan Emiriah Arab Bersatu (UAE)

(Sumber: *Berita Harian*, 11 Mac 2020)

Petikan akhbar di atas menyatakan bahawa Kementerian Luar Negeri (KLN) bersedia untuk bekerjasama dengan beberapa buah negara lain demi mengekang penularan wabak COVID-19. Anda sangat meminati bidang hubungan antarabangsa dan bercita-cita ingin menjadi seorang Pegawai Tadbir Diplomatik (PTD).

Pada pendapat anda, apakah kriteria-kriteria untuk menjadi seorang Pegawai Tadbir Diplomatik (PTD).

## KERTAS SOALAN TAMAT

## TEMA: SEJARAH DAN WARISAN

### BAHAGIAN A

[ 30 Markah ]

[Masa menjawab : 30 MINIT]

*Maklumat di bawah berkaitan dengan bangunan bersejarah di Malaysia.  
Huraikan pendapat anda tentang bangunan bersejarah di Malaysia.  
Panjangnya huraian hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.*



## Bangunan sejarah tarikan pelancongan

Oleh AIDA FAIZLEN IBRAHIM  
pengarang@utusan.com.my

**SEREMBAN 17 Sept.** - Kerajaan negeri komited untuk menjadikan tempat-tempat bersejarah di kawasan pusat bandar negeri ini sebagai tarikan pelancong.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Hal Ehwal, Keluarga dan Kebajikan Wanita negeri, Nicole Tan Lee Koon berkata, Seremban memiliki keunikan tersendiri kerana mempunyai banyak bangunan bersejarah selain diwarnai dengan kepelbagaiannya adat, budaya dan agama.

Menurutnya, atas faktor tersebut, Majlis Perbandaran Seremban (MPS) menerusi Unit Pelancongan mengambil langkah memperkenalkan Projek Jejak Warisan Seremban yang bertujuan memelihara dan memuliakan warisan di bandar ini demi manfaat generasi akan datang.

"Menerusi projek tersebut, MPS telah menghasilkan peta jejak warisan merangkumi 20 lokasi menarik yang terdapat di pusat bandar Seremban sebagai permulaan.



NICOLE TAN LEE KOON (tiga dari kiri) mendengar penerangan semasa Program Jejak Warisan Seremban di Negeri Sembilan, baru-baru ini. -UTUSAN PEMERITA IZZUL AHMAD

"Antara lokasi itu adalah Masjid Jamek Seremban, rumah ibadat kaum Cina dan India, bekas bangunan balai polis dan balai bom-ba serta bangunan perpustakaan dari zaman penjajahan British.

"Petajak Warisan Seremban itu dijangka dilancarkan dalam tempoh tiga bulan lagi dan dalam tempoh ini saya menyertai orang ramai yang ada maklumat, gambar atau fakta tentang Seremban yang dahulunya

dikenali sebagai Sungai Ujong boleh salurkan kepada saya," katanya selepas menyertai program Jejak Warisan Seremban di sini baru-baru ini.

Dalam lawatan berkenaan, beliau mendapati banyak perkaeraan perlu dinaik taraf antaranya permukaan jalan raya yang rosak, kekurangan papan tanda yang mesra pelancong dan tandas awam.

"Saya berharap pemilik pre-

mis di Seremban dapat memberikan kerjasama baik kepada kerajaan negeri dalam usaha mempopulkarkan pusat bandar sebagai lokasi pelancongan.

"Ini kerana jika sektor tersebut berkembang ia akan memberi manfaat ekonomi kepada para peniaga," jelasnya.

Orang ramai yang ingin menyalurkan maklumat tentang sejarah Seremban boleh hubungi Nicole di talian 012-3626977.

## BAHAGIAN B

[ 70 markah ]

[Masa dicadangkan: 1 jam 30 minit]

**Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.**

### DOMAIN AWAM

PETALING JAYA: Usaha menggalakkan minat dan kecintaan masyarakat terhadap kesenian budaya serta warisan bangsa perlu dipupuk seawal peringkat sekolah rendah. Naib Ketua UMNO Bahagian Petaling Jaya Selatan, Datuk Abdul Mutualif Abdul Rahim, berkata pendedahan itu penting untuk memastikan keunikan budaya dan adat resam dimiliki masyarakat pelbagai kaum di negara ini kekal terpelihara. "Pendedahan seperti ini mestilah diperluas kerana seni mampu menyatupadukan perpaduan dan meningkatkan sifat kasih sayang masyarakat majmuk di Malaysia," katanya.

Sumber: *Berita Harian Online*, November 2017

Petikan di atas menyatakan rasa cinta seorang rakyat akan budaya dan warisan negaranya.

Pada pendapat anda, apakah kepentingan mengekalkan budaya warisan bangsa ?

### DOMAIN PERIBADI

Kesedaran generasi kini terhadap kepentingan sejarah boleh disifatkan sekadar bermusim kerana kebiasaannya ramai akan mula mengambil kisah mengenainya hanya menjelang tarikh penting tertentu seperti Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia. Apabila berlalu sambutan itu, minat mereka dalam bidang ini kembali hambar, malah kadang kala tidak peduli apa yang berlaku di sekeliling setiap hari dan kaitannya dengan sejarah. Kesannya, generasi muda yang diharapkan menjadi pewaris masa depan dikatakan mempunyai pengetahuan yang amat cetek mengenai negara sendiri, lantaran kurang minat terhadap menghayati sejarah tanah air.

Sumber : *Berita Harian Online*, Prof Emeritus Tan Sri Dr Khoo Kay Kim , Oktober 2018

Petikan di atas menerangkan kurangnya kesedaran generasi muda terhadap kepentingan sejarah. Arus globalisasi yang semakin moden telah menyebabkan generasi muda kurang berminat untuk mengetahui sejarah negara sendiri.

Bincangkan faedah-faedah mengetahui sejarah negara sendiri.

## DOMAIN KERJAYA

Sebaik mendapat keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) enam tahun lalu, dia terus memohon kerja di sebuah resort di Pulau Redang untuk mengisi masa terluang sebelum menyambung pelajaran.

Namun kerja yang menyeronokkan selain minat mendalam terhadap alam sekitar dan cinta akan laut mendorongnya untuk meneruskan kerja sebagai pemandu pelancong dan terus melupakan hasrat menyambung pengajian.

*Petikan berita ‘Pemandu pelancong kerjaya pilihan anak muda’  
Mac 2015 BERNAMA*

Petikan akhbar di atas menerangkan kerjaya sebagai pemandu pelancong kian popular dalam kalangan generasi muda sejak akhir-akhir ini.

Huraikan kebaikan-kebaikan kerjaya sebagai seorang pemandu pelancong.

## DOMAIN PENDIDIKAN

Malaysia mewarisi budaya, adat-istiadat dan tradisi yang kaya kerana penduduknya terdiri daripada pelbagai kaum, kebudayaan dan agama. Kepelbagaiannya inilah yang menyumbang kepada arah kemajuan dan pembangunan negara kita selama ini. Bagaimanapun, budaya kita yang kaya ini tidak cukup untuk berkembang di dalam negara sahaja. Kita perlu membawa budaya kita ke peringkat antarabangsa, di samping mempelajari budaya orang lain.

*Tun Dr. Mahathir bin Mohamad  
Konvokesyen Akademi Seni dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) Ke-15 Tahun 2019*

Petikan di atas menerangkan maklumat keunikan masyarakatnya yang terdiri daripada pelbagai kaum serta mengamalkan pelbagai budaya dan menganuti pelbagai agama.

Dalam usaha mengekalkan identiti nasional ini, jelaskan langkah-langkah yang boleh diambil oleh pihak sekolah untuk mengekalkan budaya warisan kaum.

## KERTAS SOALAN TAMAT

**TEMA: PERINDUSTRIAN**

**BAHAGIAN A**

[ 30 Markah ]

[Masa menjawab : 30 MINIT]

*Maklumat di bawah berkaitan dengan makanan sejuk beku di negara kita.*

*Huraikan pendapat anda tentang **makanan sejuk beku**.*

*Panjang huraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.*



Sumber : *Internet*

Fatihah Frozen Food Sdn. Bhd (Fatihah) bermula dengan karipap pusar sejak lebih 30 tahun lalu. Fatihah yang diasaskan oleh Fatihah Anis Ibrahim kini mengeluarkan lebih 20 jenis makanan sejuk beku seperti roti paratha, roti boom, kuih-muih tradisional dan ais krim goreng. “Produk kami dijamin halal dan telah mempunyai pensijilan HACCP dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), pengiktirafan sijil Halal Jakim, Mesti dan Good Manufacturing Practice (GMP)

Sumber : *Sinar Harian Online*, 18 April 2010

**Bahagian B**

[70 markah]

[Masa yang dicadangkan: 1jam 30 minit]

**DOMAIN AWAM**

Perindustrian Kecil dan Sederhana (PKS) berpotensi memberi sumbangan yang besar kepada ekonomi negara. PKS juga boleh menyediakan asas-asas yang kukuh untuk menjanakan pertumbuhan industri baharu. PKS seperti pemprosesan makanan ringan seperti penghasilan keropok ikan, kerepek ubi, kuih cincin, serondeng dan pelbagai kuih tradisional mampu memberikan sumber pendapatan lumayan kepada pengusahanya.

*Sumber : Buku Teks Tingkatan 5*

Petikan di atas menyatakan maklumat berkaitan Perindustrian Kecil dan Sederhana (PKS).

Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang perlu dilakukan untuk memajukan Perindustrian Kecil dan Serderhana di negara kita.

**DOMAIN PERIBADI****Industri Pascamoden**

Kemajuan dalam perkembangan rangkaian Internet dan teknologi pintar di seluruh dunia membawa kesan yang amat besar terhadap kehidupan. Salah satu bidang yang berkembang pesat ialah perniagaan dalam talian yang seperti cendawan tumbuh selepas hujan. Anda berminat membeli barang yang dijual secara dalam talian.

*Sumber : Buku Teks Tingkatan 5*

Petikan di atas menyatakan maklumat berkaitan perniagaan dalam talian.

Jelaskan faedah-faedah pembelian secara dalam talian kepada anda.

## DOMAIN PENDIDIKAN

### Kolej Vokasional

Kolej vokasional di negara ini menawarkan pelbagai bidang kemahiran. Penuntut yang mengikuti pembelajaran di institusi pendidikan ini ditawarkan Sijil Vokasional Malaysia (SVM) dan Diploma Vokasional Malaysia (DVM). Mereka layak melanjutkan pengajian baik di universiti awam yang tertentu mahupun swasta.

Sumber : *Buku Teks Tingkatan 4*

Petikan di atas menerangkan maklumat berkaitan Kolej Vokasional. Sebagai seorang kaunselor, anda telah dijemput untuk menyampaikan ceramah di sebuah sekolah. Tajuk ceramah ialah “Peluang Pendidikan Dalam Bidang Kemahiran Vokasional di Malaysia”. Sediakan teks ceramah tersebut.

## DOMAIN KERJAYA

### Terima Kasih Kolej Vokasional

Nur Amira binti Halil, seorang usahawan muda baulu telah membuktikan bahawa Kolej Vokasional mampu melahirkan tenaga kerja yang berdaya saing tinggi dan mempunyai kebolehpasaran. Beliau merupakan bekas pelajar Kolej Vokasional Ekonomi Rumah Tangga (ERT) Setapak dalam bidang kulinari telah memulakan perniagaan baulu pada tahun 2016. Sehingga kini, perniagaan yang diusahakan oleh beliau berkembang maju. Beliau berjaya memasarkan baulu ke pasaran antarabangsa, kilang pengeluaran di Klang, Selangor dan menerima Anugerah Usahawan Belia 2019.

Sumber : *Buku Teks Tingkatan 4*

Petikan di atas menunjukkan kejayaan seorang usahawan muda lepasan salah sebuah Kolej Vokasional yang berjaya .

Huraikan usaha-usaha yang seharusnya dilakukan untuk menjadi salah seorang usahawan yang berjaya.

## KERTAS SOALAN TAMAT

**TEMA: PENDIDIKAN****BAHAGIAN A  
[30 Markah]**

[Masa dicadangkan: 1 Jam 30 Minit]

*Baca kedua-dua e-mel di bawah dengan teliti.*

*Anda dikehendaki menjawab satu daripada e-mel di bawah. Tulis e-mel anda itu selengkapnya. Panjangnya e-mel anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.*

**e-mel 1**

Daripada:	zuliana@gmail.com
Kepada:	azlina@gmail.com
Subjek	Media Sosial dalam Dunia Pendidikan

Kepada sahabatku, Azlina yang kini berada di Kota Kinabalu Sabah. Apa khabar? Saya berdoa agar awak sihat dan gembira bersama dengan keluarga yang tersayang.

Azlina,

Saya diminta oleh guru mata pelajaran Bahasa Melayu untuk menulis karangan yang berkaitan dengan pengaruh media sosial dalam dunia pendidikan. Dalam hal ini, tentunya saya perlu menjelaskan kebaikan dan keburukannya sekali. Namun begitu, pengetahuan saya amat kurang tentang topik ini. Harap sahabat mempunyai kelapangan masa supaya dapat membantu saya sehingga tugas ini siap.

Saya berharap agar sahabat dapat membalas e-mel ini dengan segera.

Sahabatmu,  
Azlina

**e-mel 2**

Daripada:	<a href="mailto:ahmad@gmail.com">ahmad@gmail.com</a>
Kepada:	<a href="mailto:abdbakar@gmail.com">abdbakar@gmail.com</a>
Subjek:	Belajar Bahasa Asing

Salam hormat Abd Bakar,

Apa khabar? Saya berharap agar kamu sihat sejahtera. Baru-baru ini, saya terbaca di *Facebook* bahawa kakak kamu bekerja di sebuah syarikat dari Jepun telah dihantar ke sana. Selepas ini, tentunya kakak kamu akan lebih komited untuk bertutur dan menulis dengan baik dalam bahasa Jepun.

Saya juga berminat untuk belajar bahasa asing. Namun begitu, saya tidak tahu hendak belajar bahasa apa? Bolehkah kamu berkongsi dengan saya beberapa contoh bahasa asing yang wajar kita pelajari selain bahasa Inggeris. Apakah kebaikan belajar bahasa-bahasa tersebut?

Semoga balasan e-mel daripada awak dapat meluaskan ruang lingkup pemikiran saya.

Sahabatmu,  
Ahmad

**BAHAGIAN B**  
**[70 markah]**  
**[Masa dicadangkan : 1 Jam 30 Minit]**

**Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 patah perkataan hingga 500 patah perkataan.**

**DOMAIN AWAM**

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mewujudkan 600 kios buku di sekitar ibu negara bersempena dengan program Kuala Lumpur sebagai Ibu Kota Buku Dunia 2020 (KLWBC 2020) bermula 23 April sehingga 22 April 2021. Selain kios buku, perkhidmatan bas perpustakaan bergerak turut lengkap dengan kemudahan buku elektronik (e-buku), komputer, pangkalan data, talian Wi-fi percuma, ruang aktiviti dan khidmat nasihat turut disediakan atas inisiatif Perpustakaan Kuala Lumpur.

Sumber: *BH Sinar Harian*, 26 September 2020

Petikan akhbar di atas menunjukkan usaha yang dilakukan untuk membentuk masyarakat kota berilmu yang sentiasa membudayakan amalan membaca. Sehubungan dengan itu, anda dikehendaki menulis sebuah rencana bagi mengajak masyarakat menjayakan KLWBC 2020. Tajuk rencana tersebut ialah “Usaha-usaha Menjayakan Ibu Kota Buku Dunia 2020 (KLWBC 2020)”.

Tulis rencana tersebut selengkapnya.

**DOMAIN PERIBADI**

Gagal sekali tidak bermakna gagal selama-lamanya. Oleh itu, saya akan meningkatkan usaha dan menguatkan azam serta kekuatan untuk bangkit semula bagi mencapai kejayaan yang cemerlang. Jika anda gagal dalam pelajaran, masa depan anda tidak semestinya gelap selagi anda mempunyai kesungguhan untuk berjaya seperti murid cemerlang di atas, iaitu Syazana Ahmad (Murid tidak cemerlang PT3 tetapi cemerlang SPM)

Sumber: *Internet*

Sedutan kata-kata pelajar cemerlang di atas menerangkan kegagalan sekali bukanlah kegagalan segala-segalanya tetapi motivasi untuk berjaya pada masa hadapan.

Jelaskan usaha-usaha yang akan anda lakukan untuk mencapai kejayaan yang cemerlang dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia.

## DOMAIN PENDIDIKAN

**MELAKA:** Program intervensi awal pendidikan kepada kanak-kanak autisme mampu menghindar mereka daripada menjadi individu bermasalah pada masa depan, selain menyumbang kepada pembangunan negara, kata Datuk Seri Najib Razak. Perdana Menteri berkata, ini kerana intervensi awal seperti dilakukan PERMATA Kurnia dapat menyerlahkan kebolehan luar biasa kanak-kanak berkenaan. Katanya, kanak-kanak autisme mempunyai kebolehan, potensi tersendiri serta boleh berjaya jika dibentuk dari peringkat awal.

Sumber: *Berita Harian Online*, Mac 2018

Petikan akhbar di atas menyatakan maklumat intervensi murid berkeperluan khas autisme.

Bincangkan kemahiran-kemahiran yang diperlukan murid berkeperluan autisme menyerlahkan potensi diri.

## DOMAIN KERJAYA

Persediaan kepada latihan industri adalah penting supaya mahasiswa dapat bersedia untuk menghadapi pelbagai cabaran terutamanya apabila kita melangkah ke alam pekerjaan, ini merupakan langkah awal untuk menjadikan kita sebagai seorang yang lebih berdikari. Kita perlu belajar untuk hidup sendiri, mengurus kewangan serta diri sendiri. “Saya berasa sangat teruja kerana sudah tiga tahun belajar dalam bentuk ilmiah dan akhirnya saya dapat masuk dalam dunia pekerjaan. Tetapi saya berasa risau kerana ini adalah kali pertama saya untuk melatih diri dalam pekerjaan di luar sana.” Kata pelajar Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan UKM, Chua Bee Lan.

Sumber: *Internet*

Petikan di atas menyatakan maklumat tentang persediaan kepada latihan industri adalah penting supaya mahasiswa dapat bersedia untuk menghadapi pelbagai cabaran terutamanya apabila kita melangkah ke alam pekerjaan.

Huraikan persediaan-persediaan yang perlu dilakukan oleh seseorang apabila menempuh alam pekerjaan.

## KERTAS SOALAN TAMAT

**TEMA: KERJAYA  
KARANGAN BAHAGIAN A**

[ 30 Markah]

[Masa dicadangkan: 30 minit]

*Maklumat di bawah berkaitan dengan koperasi sekolah.*

*Huraikan pendapat anda tentang koperasi sekolah.*

*Panjang huraian anda hendaklah antara **150 hingga 200** patah perkataan .*

**Kepentingan Koperasi Sekolah**

- ❖ Melatih murid dalam bidang perniagaan
  - ❖ Meningkatkan ekonomi sekolah
  - ❖ Memudahkan murid memperoleh bahan

Program pembudayaan keusahawanan dalam kalangan murid diperkukuh agar selari dengan pembangunan usahawan dirancang oleh kerajaan negeri Johor melalui Program Azam Usahawan Muda Johor dalam belanjawan Johor 2019.

Selain itu, koperasi sekolah merupakan wadah berkesan untuk para murid bermiaga, menjadi usahawan malah penglibatan mereka ini mampu memperkuuh jati diri yang menjadi pegangan koperasi.

Sumber: *Sinar Harian*

**BAHAGIAN B**

[ 70 Markah]

[Masa dicadangkan: 1 Jam 30 Minit]

*Pilih satu daripada soalan di bawah ini dan tulis karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.*

**DOMAIN AWAM**

Bola sepak negara pada kebelakangan ini sering menjadi tumpuan pihak media dan juga persatuan yang terlibat secara langsung dengan perkembangan bola sepak termasuklah Kementerian Belia dan Sukan dan juga Majlis Sukan Negara. Pemilihan calon jurulatih skuad kebangsaan terus menjadi perdebatan dalam kalangan peminat bola sepak Malaysia mengenai keperluan melantik jurulatih asing atau masih memberi kepercayaan kepada jurulatih tempatan. Walaupun tiba di negara ini dalam tempoh singkat, pandangan bekas pengurus kelab Sunderland di Liga Bola Sepak Inggeris (BPL), Gus Poyet juga boleh dijadikan panduan.

Sumber: *Astro Arena*

Petikan di atas menyatakan berkenaan pemilihan jurulatih amat penting dalam menentukan kejayaan sesebuah pasukan.  
Tulis rencana akhbar tentang sebab-sebab jurulatih tempatan perlu dilantik untuk membimbing ahli sukan negara.

**DOMAIN PERIBADI**

Kerjaya sepatutnya sesuatu yang dekat di jiwa, disukai. Namun sering kali yang berlaku kepada sesetengah pekerja datang ke tempat kerja seperti terpaksa, sentiasa mengharapkan setiap hari adalah hari Ahad. Pelbagai perkara menyumbang terhadap senario ini. Salah satunya adalah prospek kerjaya itu sendiri. Ini kerana setiap orang sentiasa inginkan kemajuan dalam kehidupan mereka. Ini bersesuaian dengan Teori Maslow mengatakan setiap manusia sentiasa inginkan sesuatu yang lebih baik selepas mencapai kemajuan dalam satu peringkat kehidupan.

Sumber : *Internet*

Sebagai respons terhadap petikan di atas, setiap individu perlu memilih kerjaya yang dapat menjamin masa depannya.

Bincangkan faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya seseorang.

## DOMAIN PENDIDIKAN

Bidang kemahiran yang selama ini dikaitkan dengan industri 3D yang merujuk perihal kotor, berbahaya dan sukar, kini sudah berubah sejajar dengan perkembangan pesat teknologi. Saya percaya, IR 4.0 yang akan meningkatkan teknologi robotik dan kecerdasan buatan (AI) akan menjadikan TVET kekal berada di depan dalam industri pekerjaan.”

Sumber: *Berita Harian Online*

Petikan ucapan di atas menyatakan maklumat berkenaan dengan Sistem Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang menjadi pilihan kerjaya golongan remaja pada masa ini. Sebagai seorang pegawai dari Kementerian Pengajian Tinggi, anda dikehendaki menyampaikan ceramah untuk menyebarluaskan maklumat tersebut.

Tulis teks ceramah tersebut selengkapnya.

## DOMAIN KERJAYA

JOHOR BAHRU, 10 Mac. — Seramai 116 orang pelajar dalam kalangan mahasiswa Universiti Teknologi Malaysia (UTM) memperoleh ilmu persediaan menghadapi alam pekerjaan apabila menyertai program ‘How to Get Yourself Employed’ anjuran Sekolah Pembangunan Sumber Manusia dan Psikologi (SHARPS), dengan kerjasama UTMAalumni dan Pejabat Pengajian Pra Siswazah, UTM pada 12 dan 26 Februari serta 9 Mac lalu. Antara objektif utama program ini adalah untuk menganjurkan beberapa siri ceramah dan sesi latihan temu duga kepada pelajar. Program ini juga adalah sebagai salah satu usaha yang diambil oleh pihak UTM bagi meningkatkan kebolehpasaran dan kebolehkerjaan graduan UTM.

Sumber : UTM News Hub, 10 Mac 2018.

Petikan akhbar di atas menyentuh tentang persediaan golongan siswazah untuk menempuh alam pekerjaan.

Berdasarkan petikan tersebut, bincangkan persediaan-persediaan yang perlu dilakukan sebelum memasuki alam kerjaya.

## KERTAS SOALAN TAMAT

**TEMA: POLITIK DAN PENTADBIRAN**

**BAHAGIAN A**  
**[30 Markah]**

[Masa menjawab : 30 minit]

Maklumat-maklumat di bawah berkaitan pemimpin pilihan rakyat.  
*Huraikan pendapat anda tentang pemimpin pilihan rakyat.*

*Panjang huraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.*

**Suara Rakyat Jelata**

**Suara 1 :** Adakah anda mempunyai pemimpin idaman? Apakah ciri-ciri pemimpin idaman anda?

“Ya. Ciri-ciri pemimpin idaman saya ialah prihatin dan berjiwa rakyat. Sebagai peniaga gerai, saya amat bergantung harap pada pemimpin untuk menyelesaikan masalah peniaga kecil seperti kami. Tolonglah turun padang, berjumpa rakyat jelata seperti kami. Ambil tahu tentang keperluan kami.”

**Puan Nurul Izzati binti Ayob,**  
Pemilik gerai.

Tarian Johor tarian zapin,  
Tarian Kelantan ulit mayang,  
Kalau hendak jadi pemimpin,  
Selain bijak perlu sembahyang

Hijau menguning padi di sawah,  
Tunduk berisi bagi nak rebah,  
Pendirian kukuh tidak goyang,  
Menghadap cabaran tidak gelabah

**BAHAGIAN B**  
**[70 Markah]**  
**[Masa menjawab : 1 jam 30 minit]**

**DOMAIN AWAM**

Soal selidik yang dijalankan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mendapati 82 peratus responden berpendapat isu rasuah dan salah guna kuasa di negara ini berada pada tahap yang membimbangkan. Data ini adalah hasil daripada soal selidik yang terdiri daripada pelajar, kakitangan awam dan swasta serta pesara pada Hari Antirasuah yang diadakan di seluruh negara.

Sumber : BH Online, 30 Januari 2019

Petikan akhbar di atas menyatakan bahawa isu rasuah dan salah guna kuasa di negara ini semakin membimbangkan. Pelbagai usaha perlu dilakukan untuk membanteras gejala rasuah dalam kalangan masyarakat. Sehubungan dengan itu, anda dikehendaki menulis sebuah rencana berkaitan isu rasuah. Tajuk rencana tersebut ialah ‘Usaha-usaha Membanteras Gejala Rasuah’

Tulis rencana tersebut selengkapnya.

**DOMAIN PERIBADI**

“Jika kamu mahu melihat masa depan sesebuah negara, maka lihatlah pemuda-pemudinya pada hari ini.” Saidina Ali R.A. Berdasarkan kata-kata tersebut, terbuktilah bahawa remaja memantulkan imej masa depan negara kerana mereka merupakan tampuk kepimpinan negara pada masa akan datang. Remaja merupakan permata yang amat berharga terhadap ibu bapa, agama, bangsa, dan negara. Namun pelbagai cabaran perlu dihadapi remaja pada masa ini.

Sumber: *Internet*

Petikan di atas menyatakan peranan remaja dalam membangunkan negara namun pelbagai cabaran perlu dihadapi oleh mereka pada masa ini.

Sebagai remaja, huraiakan persediaan-persediaan yang perlu anda lakukan untuk merealisasikan cabaran tersebut.

## DOMAIN PENDIDIKAN

Pada masa ini, peranan guru dalam pembangunan negara adalah amat penting untuk melahirkan insan yang cemerlang. Atas bimbingan guru, lahirlah golongan profesional. Seterusnya, guru juga turut menentukan pembangunan negara dengan melahirkan pemimpin-pemimpin negara.

Sumber : *Internet*

Petikan di atas menyatakan maklumat yang berkaitan dengan peranan guru dalam pembangunan negara.

Huraikan peranan-peranan guru dalam menyediakan bakal pemimpin negara pada masa hadapan.

## DOMAIN KERJAYA

Tonggak 12 diilhamkan oleh Yang Berbahagia, Tan Sri Dato' Seri Ahmad Sarji bin Abdul Hamid, Ketua Setiausaha Negara yang disampaikan lewat ucapan perasmianya bersempena dengan Seminar Nilai dan Etika pada 2 Mac 1992. Sejak itu, Tonggak 12 telah menjadi dasar dan pegangan penjawat awam. Antaranya ialah Menghargai Masa, Ketekunan Membawa Kejayaan, Keseronokan Bekerja, Kemuliaan Kesederhanaan, Ketinggian Peribadi, Kekuatan Sifat Baik Hati, Pengaruh Teladan, Kewajipan Menjalankan Tugas, Kebijaksanaan Berhemat, Keutamaan Kesabaran, Peningkatan Bakat dan Nikmat Mencipta. Dalam kesempatan ini, mari kita telusuri sebahagian daripada Tonggak 12 tersebut.

Sumber : Buku Teks Bahasa Melayu

Tingkatan 5

Kandungan Tonggak 12 di atas menyatakan maklumat berkaitan dasar dan pegangan penjawat awam dan kepentingannya.

Huraikan kesan-kesan yang akan berlakunya sekiranya penjawat awam tidak mematuhi dasar dan amalan yang terkandung dalam Tonggak 12 tersebut.

## KERTAS SOALAN TAMAT

**TEMA: INTEGRITI**  
**BAHAGIAN A**

[30 Markah ]

[Masa dicadangkan: 30 minit]

*Maklumat di bawah berkaitan dengan amalan berintegriti.*

Huraikan pendapat anda tentang **amalan hidup berintegriti**

Panjangnya huraian hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan.**

## Kebaikan mengamalkan integriti

---

- Agensi-agensi awam ditubuhkan dengan objektif utama untuk memenuhi keperluan rakyat dan negara. Bagi mencapai objektif tersebut, sistem penyampaian perkhidmatan awam yang berintegriti tinggi adalah diperlukan supaya dasar-dasar kerajaan dapat dilaksanakan secara berkesan. Kepentingan integriti kepada perkhidmatan awam adalah untuk mewujudkan pentadbiran dan perkhidmatan awam yang cekap dan berdisiplin menerusi penerapan nilai-nilai murni yang dapat mengatasi masalah dan kelemahan dalam pelbagai aspek pemerintahan seperti pengurusan kewangan, pengendalian kes-kes tatertib, rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan yang ditegah oleh peraturan, perundangan serta agama.

# APA ITU RASUAH?



4 KESALAHAN UTAMA RASUAH  
MENERIMA



MEMBERI



TUNTUTAN PALSU



SALAH GUNA KEDUDUKAN / KUASA

Penerimaan atau pemberian suapan sebagai upah atau dorongan untuk seseorang individu kerana melakukan atau tidak melakukan sesuatu perbuatan yang **BERKAITAN DENGAN TUGAS RASMI**. Suapan terdiri daripada Wang, Hadiah, Bonus, Undi, Perkhidmatan, Jawatan Upah, Diskaun.

**CONTOH :** Seorang kontraktor telah menghadiahkan seutas jam tangan kepada seorang pegawai kerajaan kerana telah meluluskan projek kepada syarikat milik kontraktor berkenaan.

**RASUAH ITU SATU JENAYAH!!**



UNIT INTEGRITI  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

"BETULKAN YANG BIASA" → "BIASAKAN YANG BETUL"

**BAHAGIAN B**  
**[70 Markah]**  
**Masa dicadangkan: 1 jam 30 minit]**

*Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.*

**DOMAIN AWAM**

Integriti dinisbahkan sebagai sikap jujur, amanah dan amalan moral yang tinggi dalam diri seseorang individu. Nilai integriti bermula dari dalam diri individu, kemudian diterjemahkan kepada sikap dan kelakuan luaran. Keutuhan sesebuah organisasi atau negara bergantung kepada nilai integriti yang ada pada individu dalam organisasi dan masyarakat. Musibah COVID-19 banyak menguji dan mengajar kita mengenai kepentingan nilai integriti. Kurangnya nilai kejujuran dalam diri individu dan masyarakat yang akhirnya boleh memberi kesulitan kepada negara.

Sumber : Berita Harian Online, 18 April 2020

Petikan akhbar di atas menyatakan bahawa kurangnya nilai kejujuran dalam diri individu dan masyarakat mendatangkan kesan buruk kepada masyarakat dan negara. Sehubungan dengan itu, anda dikehendaki menulis sebuah rencana bagi menyedarkan masyarakat tentang kesan-kesan perlakuan pecah amanah. Tajuk rencana tersebut ialah ‘Kesan-Kesan Amalan Pecah Amanah’.

Tulis rencana tersebut selengkapnya.

**DOMAIN PERIBADI**

Berdasarkan kepada pelbagai definisi yang diberikan kepada jenayah rasuah, secara umumnya dapatlah dirumuskan bahawa perlakuan jenayah rasuah ialah suatu bentuk penyalahgunaan kuasa atau jawatan yang diamanahkan untuk kepentingan peribadi atau saudaranya atau sekutunya. Jenayah rasuah juga merangkumi kesalahan mengemukakan dokumen atau tuntutan palsu, memberi atau menawarkan suapan rasuah dan menerima atau meminta suapan rasuah sama ada berbentuk wang, hadiah, komisen, diskaun, apa-apa harta atau perkhidmatan sebagai balasan untuk mendapatkan sesuatu di luar saluran yang sah dari segi undang-undang atau moral.

Dipetik daripada artikel ‘*Jenayah Rasuah Dari Perspektif Undang-Undang*’  
*Oleh Mohamad Fauzi bin Husin, Laman web Unit Integriti MOA, 18 Januari 2016*

Sebagai respons terhadap kandungan artikel di atas, setiap individu perlu memainkan peranan untuk memerangi amalan rasuah dalam kalangan masyarakat.

Jelaskan peranan-peranan tersebut.

## DOMAIN PENDIDIKAN

Institut Integriti Malaysia tidak putus-putus menjalankan program dan aktiviti yang dikenal pasti dalam Pelan Integriti Nasional di mana aspek-aspek governans, integriti dan antirasuah diberi penekanan kuat dengan penubuhan unit integriti di merata-rata kementerian, pejabat dan agensi awam dan swasta. Pada tahap komuniti pula sekolah, Institusi Pengajian Tinggi, NGO dan masyarakat civil disasar untuk mendapat pendedahan serta pengetahuan tentang cara memperkuuh integriti di khalayak ramai.

Sumber : *Astro Awani Online*, 17 Februari 2017

Petikan di atas menyatakan bahawa usaha penerapan nilai integriti dalam kalangan masyarakat juga dijalankan di peringkat sekolah dan Institusi Pendidikan Tinggi.

Bincangkan kepentingan-kepentingan penerapan nilai integriti di peringkat sekolah.

## DOMAIN KERJAYA

Sejak akhir-akhir ini banyak diperkatakan mengenai isu yang melibatkan integriti terutamanya dalam kalangan penjawat awam. Isu penyalahgunaan kuasa, pecah amanah, rasuah, penyelewengan walaupun dilakukan oleh segelintir individu penjawat awam namun tempiasnya tetap terkena kepada keseluruhan penjawat awam yang berada di negara ini.

Sumber : *Internet*

Petikan artikel menerangkan bahawa terdapat segelintir penjawat awam terlibat dengan perlakuan tidak berintegriti dalam melaksanakan tugas. Hal ini mendatangkan persepsi buruk masyarakat terhadap penjawat awam secara umumnya. Maka, tindakan yang proaktif perlu dilakukan segera untuk menyelesaikan masalah ini.

Huraikan usaha-usaha yang seharusnya dilakukan untuk melahirkan pekerja yang berintegriti.

## KERTAS SOALAN TAMAT

## TEMA: ALAM SEKITAR DAN TEKNOLOGI HIJAU

### BAHAGIAN A

[30 markah]

[Masa yang dicadangkan: 30 minit]

*Gambar dan maklumat di bawah ini menunjukkan masalah gangguan bekalan air yang sering terputus dan terpaksa dihadapi oleh penduduk kawasan tempat tinggal anda.*

*Sebagai penduduk yang prihatin, tulis **sepucuk surat** kepada pihak berkuasa yang mengurus air untuk mengadukan masalah yang dihadapi oleh penduduk di kawasan tempat tinggal anda tentang gangguan bekalan air yang sering terputus dan cadangkan tindakan yang perlu diambil.*

*Panjangnya surat anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.*



### **Langkah-langkah yang boleh diambil bagi mengatasi masalah kekurangan bekalan air di sesuatu kawasan**

Memajukan sumber air tanah

- Penggunaan air tanah amat mudah dan murah.
- Penerokaan air tanah lebih murah berbanding dengan kos pembinaan empangan.
- Bertujuan untuk menurunkan hujan tiruan di kawasan tadahan.
- Larutan garam yang bertindak sebagai "Nukleus Kondensasi" disembur ke atas awan kumulusnimbos untuk menarik wap-wap air berkumpul dan bercantum.
- Pembesaran titisan air yang mencapai takat tepu akan menurunkan hujan.

Pembentahan awan

Sumber : Berita Harian Online ,12 Julai 2016 .

**KARANGAN B**

[70 markah]

[Masa yang dicadangkan: 1 jam 30 minit]

*Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis satu karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.*

**DOMAIN AWAM**

Sebanyak 78 546.71 kilogram sisa buangan kitar semula dikumpul menerusi Kempen Kitar Semula F&N dan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) 2019 yang berakhir Ogos lalu, yang diadakan di kawasan pentadbiran MPSJ. Tahun lalu, pihak berkenaan mengadakan kempen sama, dengan disertai 29 buah sekolah. Sebanyak 18, 328.12 kilogram bahan kitar semula berjaya dikumpul.

‘Kempen Kitar Semula MPSJ, F&N Terus Catat Kejayaan’  
*Berita Harian Online, 8 Oktober 2019)*

Petikan akhbar di atas menerangkan kempen kitar semula berkenaan bahan sisa buangan.

Bincangkan kesan terhadap manusia dan alam sekitar jika usaha kitar semula tidak dilaksanakan.

**DOMAIN PERIBADI**

“Pada hari ini kita meraikan Hari Bumi di Taman Tugu, sebuah taman rimba seluas 26.7 hektar yang terletak di tengah-tengah hutan konkrit di bandar raya Kuala Lumpur. Taman Tugu ini wujud sebagai bukti kepada komitmen kita untuk memastikan pembangunan yang seimbang, iaitu pembangunan fizikal yang beriringan dengan pemeliharaan alam sekitar.

Dipetik daripada ucapan Mantan Perdana Menteri  
Sumber : *Koleksi Arkid*, 20 April 2019

Sebagai respons terhadap kandungan ucapan, setiap individu di negara ini perlu memainkan peranan untuk memelihara dan memulihara alam sekitar kerana kita berkongsi alam sekitar yang sama. Sehubungan dengan itu, anda dikehendaki menyediakan sebuah rencana bagi menggalakkan masyarakat di negara ini memelihara dan memulihara alam sekitar.

Tuliskan **rencana** tersebut selengkapnya.

## DOMAIN PENDIDIKAN

Pelbagai usaha telah dilakukan oleh pelbagai pihak untuk memulihara Burung Botak Upah yang semakin berkurang bilangannya. Pada tahun 2007, PERHILITAN dan Zoo Negara telah menjalankan Program Pelepasan Semula Burung Botak Upah di Kuala Gula, Perak. Tujuannya adalah untuk meningkatkan populasi burung ini melalui habitat semula jadi.

Dipetik dan diubah suai daripada *Buku Teks Bahasa Melayu KSSM, Tingkatan 4*

Petikan di atas menyatakan maklumat yang berkaitan dengan Pendidikan Alam Sekitar yang diserapkan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah.

Bincangkan kepentingan-kepentingan memulihara khazanah hutan di negara kita.

## DOMAIN KERJAYA

“Projek berkenaan memberikan peluang kepada 100 peserta yang akan mengusahakan hampir 4000 hektar penanaman jagung bijirin seluruh negara melalui usahasama dengan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa). Bantuan yang disalurkan melalui Unit Agropreneur Muda dan pembiayaan menerusi Agropreneur Muda mampu meningkatkan penghasilan tanaman, sekali gus memberikan pulangan yang lumayan.

Pengasas Famox Plantation (M) Sdn. Bhd.  
Sumber : *Sinar Harian Online*, 16 Mac 2020.  
Dipetik daripada ucapan Ramana K Naidu,

Petikan akhbar di atas menyatakan bantuan yang diberi oleh pihak kerajaan untuk menyokong penglibatan generasi muda dalam sektor pertanian. Namun demikian, kerjaya dalam sektor pertanian masih kurang mendapat sambutan dalam kalangan generasi muda.

Huraikan usaha-usaha kerajaan untuk membantu generasi muda agar menceburi sektor pertanian sebagai kerjaya pada masa hadapan.

## KERTAS SOALAN TAMAT

**TEMA: PELANCONGAN****BAHAGIAN A**

[30 markah]

[Masa menjawab : 30 minit]

*Maklumat di bawah berkaitan dengan pelancongan.**Huraikan pendapat anda tentang pelancongan dalam negara.**Panjangnya huraian hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.*

Merdu suara burung kenari,  
Murai riuh mencari dahan;  
Tempat menarik dalam negeri,  
Pulau dan pantai jadi pilihan.

Sumber : *Internet*

**Tahukah anda?**

- Sumbangan secara langsung industri pelancongan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) ialah 6.1 peratus dengan nilai RM82.6 bilion pada tahun 2017 berbanding dengan RM76.6 bilion pada tahun 2016.
- Beli-belah kekal sebagai komponen terbesar dalam produk pelancongan dengan nilai RM26.8 bilion pada tahun 2017 diikuti penginapan (RM20.7 bilion) dan pengangkutan (RM15.0 bilion).
- Pelancong antarabangsa mengalami penurunan daripada 26.8 juta orang pada tahun 2016 kepada 25.9 juta orang pada tahun 2017, manakala bilangan pelawat tempatan mencatatkan peningkatan sebanyak 205.4 juta orang daripada 189.3 juta orang.

(Sumber: <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2018/09/473549/pelancongan-sumbang-149-peratus-ekonomi-negara>)

**BAHAGIAN B**  
**[70 markah]**  
**[Masa menjawab : 1 jam 30 minit]**

**Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.**

**DOMAIN AWAM**

KUALA LUMPUR: Industri pelancongan akan mengalami situasi lebih meruncing bermula Jun ini jika penularan COVID-19 semakin meningkat. Perangkaan semasa menunjukkan ketibaan pelancong asing, khususnya dari China, Korea Selatan, Jepun dan Eropah merosot kira-kira 70 peratus sejak virus dikesan akhir tahun lalu. Sementara itu, agensi pelancongan berpotensi menanggung risiko liabiliti lebih RM1 bilion bagi pakej pelancongan luar negara sehingga akhir tahun ini, berdasarkan jangkaan awal sebanyak RM500 juta pada Februari hingga Jun 2020.

Sumber : Berita Harian Online

Petikan akhbar di atas menyatakan bahawa Pendemik COVID-19 menjelaskan industri pelancongan negara. Langkah drastik harus diambil bagi mengelakkan negara mengalami kerugian.

Bincangkan langkah-langkah untuk meningkatkan industri pelancongan negara.

**DOMAIN PERIBADI**

Pelancongan berkonsepkan “Hijau” membawa erti peluang kepada pelancong tempatan dan luar negara menerokai landskap semula jadi Malaysia untuk menikmati udara yang bersih dan melihat kepelbagaiannya hidupan liar dan tumbuh-tumbuhan. Malaysia dikurniakan pulau-pulau dan kawasan terumbu karang yang cantik. Setiap individu wajar memelihara dan memulihara kawasan ini untuk generasi akan datang

Sumber: Berita Harian Online, 2020

Sebagai respons terhadap petikan di atas, setiap individu perlu memainkan peranan untuk menyebarkan mesej lestarikan alam sekitar yang semakin mendapat tempat di seluruh dunia. Pada pendapat anda, apakah yang perlu anda lakukan untuk menjadi pelancong hijau yang cinta akan alam sekitar.

## DOMAIN PENDIDIKAN

"Malaysia Truly Asia" ialah jenama kita untuk memasarkan Malaysia sebagai destinasi pelancongan yang patut dikunjungi. Kita menjanjikan satu pengalaman baru yang menarik kepada para pelancong menerusi faktor kepelbagaian budaya dan kemesraan penduduknya. Ini kelebihan kita. Bahkan, suka saya berkongsi bahawa Malaysia menjadi destinasi pelancongan yang unggul disebabkan oleh kepelbagaian ini. Kepelbagaian budaya sudah menjadi identiti kita.

(Sumber: Teks Ucapan Menteri Pelancongan Dan Kebudayaan Malaysia, Yb Dato' Seri Mohamed Nazri Bin Tan Sri Abdul Aziz, Berita Harian, 2016.)

Petikan di atas menunjukkan maklumat mengenai sektor pelancongan Malaysia. Bincangkan usaha-usaha yang boleh dibuat oleh pihak sekolah untuk memajukan industri pelancongan di Malaysia.

## DOMAIN KERJAYA

Pemandu biasanya mengambil sekumpulan pelancong sekitar bandar dan membawa mereka ke tempat-tempat kepentingan. Mereka memberikan komen mengenai ciri-ciri istimewa lokasi atau sejarah setiap tempat, dan mereka sering diharapkan untuk berkongsi cerita-cerita daripada penduduk tempatan yang menyeronokkan dan berkongsi budaya tempatan.

Sumber : *Internet*

Petikan rencana di atas menerangkan tugas dan tanggungjawab pemandu pelancong yang kini menjadi salah satu kerjaya pilihan generasi muda. Walaupun tugas mencabar dan masa kerja yang tidak menentu, kerjaya ini sangat diminati oleh golongan muda lantaran pendapatan agak lumayan boleh diperoleh daripada kerjaya ini.

Pada pendapat anda, apakah kriteria-kriteria yang perlu dimiliki oleh seorang pemandu pelancong.

## KERTAS SOALAN TAMAT

## LAMPIRAN

### SUMBER RUJUKAN

Dokumen Standard Kandungan Pelajaran, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia

Buku Teks Tingkatan 4

Buku Teks Tingkatan 5

Format Pentaksiran SPM Bahasa Melayu 1103

